

Abstrak

Kajian ini membincangkan kesinambungan tradisi pengajian tasawuf di negeri Terengganu, khususnya dari segi penggunaan kitab-kitab jawi selain dari sistem pengajian itu sendiri. Tujuan kajian ialah bagi melihat aspek sejarah pengajian tasawuf di Terengganu; melihat kitab-kitab yang digunakan sebagai teks pengajian; menilai sistem pengajian; pertembungan mazhab; dan seterusnya kesan pengamalan tasawuf terhadap pembentukan sahsiah masyarakat Islam. Kajian melibatkan dua kaedah iaitu kaedah perpustakaan untuk mendapatkan data-data sekunder dan kaedah kerja lapangan bagi memperoleh data-data primer. Data-data primer seterusnya dianalisis menggunakan perisian komputer SPSS dan dibandingkan dengan data-data berbentuk historikal yang didapati daripada kaedah perpustakaan. Daripada analisis yang dijalankan jelas menunjukkan bahawa sistem pengajian tradisional tasawuf di Terengganu masih mengekalkan corak tradisi. Tasawuf yang diajarkan adalah seragam iaitu tasawuf sunni dan, walaupun wujud tasawuf tarikat namun ia adalah selari dengan ajaran-ajaran *ahl al-sunnah wa 'l-jama'ah*. Penggunaan kitab jawi masih berterusan malah diambil perhatian yang berat oleh semua pihak termasuk generasi muda. Menyedari kepentingan kitab jawi sebagai wahana intelektual Melayu abad silam, satu usaha bersepadu dan bersungguh-sungguh perlu dilakukan oleh semua pihak terutama pihak berkuasa agama, penerbit, dan golongan sarjana dalam bidang-bidang agama dan sastera bukan sahaja untuk mengekalkan bentuk dan keaslian kitab-kitab jawi, malah menyebarkanluaskannya ke dalam masyarakat awam. Semoga dengan itu kitab jawi tidak hanya menjadi 'barang antik' atau digunakan oleh golongan tradisional sahaja bahkan terus mendapat perhatian daripada seluruh masyarakat Islam, khususnya di Malaysia.

Abstract

This study discusses the continuing tradition of traditional mysticism studies in Terengganu, especially in using of Kitab Jawi although the studies system. Nonetheless, the aims of this study are look at general history of coming and rising of Islam and the mysticism; using of Kitab Jawi from the earlier century; the system of mysticism studies; the clash of different opinion; and the lastly the effect of mysticism studies to human development in Islamic societies. These studies are using two data: premier and secondary. Premier data got from fieldwork research which using method of questionair and free interviews with respondents. Meanwhile secondary data is got from seminar papers, journals, and books from library method. Historical and contemporary data is analysed using SPSS computer's software to show the result and comparation from past age and latest studies. Data analysis from both sources shown that the mystical studies in Terengganu still using same way as shown at past age. More important is no competition from different views of that knowledge and they follow the same way, i.e ahl 'l-sunnah wa'l-jama'ah methods. The studies also prove Kitab Jawi still having its follower from traditional students includes young generation. The situation make some conclusions: all parties especially religious department, publishing companies, and scholars both in Islamic and literature field must be progress to protect the kitab originally and also promote the using of Kitab Jawi not only to traditional students and rural societies but also to modern and urban. Kitab Jawi must be studied not only to traditional system but also at modern institution, especially in Malaysian Islamic centres.